

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **Menteri Komunikasi dan Multimedia** menyatakan apakah kesan pengecualian Malaysia daripada projek kabel bawah laut Apricot dan tindakan susulan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa memberikan perhatian kepada isu Dasar Kabotaj yang melibatkan keperluan industri telekomunikasi berkaitan aktiviti pembaikan kabel dasar laut. Keyakinan syarikat telekomunikasi antarabangsa untuk melabur di Malaysia juga adalah bergantung kepada aspek kesediaan kemudahan operasi dan penyenggaraan kabel dasar laut di negara ini.

Pemilihan negara bagi menyertai rancangan pemasangan kabel Internet Apricot dasar laut (*subsea cables*) adalah keputusan syarikat *Facebook* dan *Google*. Malaysia tidak tersenarai (*bypass*) sebagai salah satu negara yang terlibat dalam pendaratan stesen kabel dasar laut tersebut memandangkan isu pengecualian Dasar Kabotaj yang masih belum selesai.

Permintaan kepada Internet Jalur Lebar Antarabangsa sejak lima (5)

tahun lalu juga telah mencatat pertumbuhan sebanyak 355%, dengan peningkatan lebar jalur dari 1.6Tbps pada tahun 2015 menjadi 7.2Tbps pada tahun 2019. Pada bulan Mac 2021, Google telah mengumumkan pelaburan terhadap kabel dasar laut Echo yang menghubungkan Amerika Syarikat ke Asia dan pada bulan Ogos pula, Google mengumumkan pelaburan ke atas kabel dasar laut Apricot yang menghubungkan Jepun, Guam, Filipina, Taiwan dan Indonesia. Kabel Internet Apricot dasar laut ini akan membekalkan kapasiti tinggi internet yang sangat diperlukan dan merupakan usaha berterusan bagi mempertingkatkan infrastruktur rangkaian global dan memperluaskan keupayaan capaian di rantau Asia Pasifik.

Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) telah dilancarkan pada 19 Februari 2021. Antara lain, MyDIGITAL berhasrat mewujudkan persekitaran ekonomi digital yang mampan melalui Teras 3, MyDIGITAL iaitu memfokuskan kepada “Membina Infrastruktur Digital yang Menyokong”. Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah untuk menarik lebih banyak pendaratan kabel dasar laut antarabangsa di Malaysia bagi memperluas ketersambungan antarabangsa (*international connectivity*) yang merupakan elemen penting terutamanya di era digital masa kini yang memerlukan negara meningkatkan keupayaan komunikasi untuk memanfaatkan peluang ekonomi tanpa sempadan. Kabel dasar laut juga merupakan elemen penting kesalinghubungan bagi komponen utama MyDIGITAL yang lain iaitu Pusat Data dan Pengkomputeran Awan.

Kerajaan akan terus memperkasakan dasar/polisi/undang-undang berkaitan infrastruktur ekonomi digital antaranya adalah berkaitan kabel dasar laut. Ini seterusnya akan dapat memberikan gambaran kesungguhan Kerajaan dalam menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan kompetitif serta dapat meningkatkan kepercayaan para pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Selain itu Kerajaan juga akan mengambil peluang untuk mendapatkan manfaat teknologi dan ekonomi terkini yang sedia ada untuk membuka lebih banyak peluang perdagangan hasil daripada penyertaan negara-negara serantau lain dalam hasrat pemantapan projek pemasangan kabel Apricot tersebut.